

Potensi pusat pembuatan cerah

Oleh Lichong Angkui dan Azmi Akop P

B.H 28 NOV 1993

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia mampu menjadi pusat pembuatan kenderaan bermotor terkemuka, bukan saja untuk memenuhi keperluan tempatan, malah pasaran di seberang laut.

Perdana Menteri berkata, matlamat itu bagaimanapun hanya boleh dicapai jika negara berupaya menghasilkan kenderaan jenis bermutu tinggi pada kadar harga yang kompetitif.

"Malah jika kenderaan yang dikeluarkan itu berdaya saing, khususnya dari segi harga, ia sepatutnya menerokai pasaran eksport," katanya berucap pada majlis menandatangani projek kenderaan komersil Malaysia oleh Industri Otomotif Komersial (M) Sdn Bhd (INIKOM) di sini semalam.

Syarikat yang mengeluarkan trak satu tan dan dijangka mula dijual 1 Julai 1995 itu ialah usaha sama di antara Berjaya Group Bhd, Hyundai Motor Company Korea, Hyumal Motor Sdn Bhd dan Pesumals (M) Sdn Bhd.

Dr Mahathir berkata, industri pengangkutan antara sektor yang diberi penekanan oleh kerajaan

bagi membendung inflasi di negara ini.

Oleh itu, katanya, amat tepat pada waktunya untuk menghasilkan kenderaan komersil nasional bagi memastikan negara dapat menawarkan kenderaan jenis itu pada harga berpatutan.

"Pertumbuhan ekonomi yang konsisten membolehkan negara menghasilkan kenderaan komersil sendiri memandangkan peningkatan permintaan dari setahun ke setahun selain pertambahan kadar import alat ganti terpakai (CKD)," katanya.

Perdana Menteri berkata, projek Proton memberi peluang kepada pembangunan industri komponen kenderaan tempatan yang meletakkannya lebih kompetitif berbanding sebelum ini.

Katanya, pelaksanaan projek kereta mini Malaysia dan projek kenderaan komersil itu akan menjadikan jumlah kenderaan bermotor buatan negara lebih banyak, sekaligus menggalakkan pelaburan dalam industri komponen secara besar-besaran.

"Dengan ini, Malaysia juga boleh menjadi pusat pembuatan komponen untuk kenderaan bermotor

dan yang berkaitan," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan syarikat swasta supaya membantu industri tempatan dan asing dari segi pelaksanaan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, Malaysia mempunyai pakar yang cukup dalam sektor perindustrian dan berharap usaha sama terbaru dengan Korea itu mampu mewujudkan teknologi baru serta canggih di negara ini.

Beliau mengalu-alukan hasrat Hyundai menubuhkan kemudahan pembuatan gear kenderaan yang tentunya memanfaatkan bukan saja bagi industri kenderaan penumpang dan komersil, bahkan bagi pasaran motosikal.

Usaha sama itu, katanya, yang akan dijalankan oleh Perwaja dan beberapa syarikat lain di Gurun menjadi satu lagi kegiatan aliran untuk industri besi negara.

Mengenai pelaburan Korea, beliau berkata, walaupun pelbagai promosi dilakukan, kadarnya masih rendah berbanding Jepun, United Kingdom dan Taiwan.

Perdana Menteri berka-

ta, Malaysia sudah lama memandang ke Timur dan selepas pelbagai promosi dijalankan oleh kerajaan di Korea, hanya sedikit pelabur Korea datang ke negara ini.

"Organisasi yang besar datang untuk mendapatkan kontrak dan dalam beberapa keadaan, kita membantunya sedaya upaya, tetapi meninggalkan negara ini setelah menyiapkan projek mereka," katanya.

Menurutnya, hubungan perdagangan dan pelaburan di antara Korea dengan Malaysia masih pada tahap mengecewakan.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Dr Mahathir berkata sehubungan dengan itu, kerajaan akan meneruskan Dasar Pandang ke Timur selagi ia memanfaatkan Malaysia.

Menurutnya, kerajaan berusaha memujuk pelabur Korea melabur di Malaysia yang menawarkan banyak kemudahan selain buruh mereka lebih mahal.

Katanya, kerajaan akan menyokong syarikat Korea yang melabur di sini walaupun tidak ada dasar perlindungan khusus atau insentif diberikan.